

KERAJAAN PEMBANGKANG PERLU JAGA PERPADUAN KAUM

U-M 13/02/08 M/S 10

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang yang baru ditadbir oleh DAP terus memperkenalkan dasar bebas daripada semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru, Lim Guan Eng kelmarin mendakwa DEB menjadi punca kronisme, rasuah dan tidak efisien.

Kerajaan negeri hasil gabungan DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) memang berhak melaksanakan dasar perjuangan yang sekian lama dipendam untuk menghapuskan amalan DEB.

Bukan setakat DEB hendak dimansuhkan, pimpinan DAP negeri yang kuat chauvinisme Cina itu juga kini mempunyai kuasa untuk mengarahkan kerja atau projek pembangunan di bawah peruntukan kerajaan negeri yang sedang dijalankan boleh diutamakan serta-merta jika perlu.

Orang Melayu Pulau Pinang harus sedar, mereka yang telah memilih untuk mendapat perubahan kepimpinan negeri.

Mereka yang memilih parti pembangkang tidak perlu lagi bergaduh dan bertekak meminta kerajaan pimpinan DAP itu menarik balik kenyataan menge-

nai dasar bebas DEB itu.

Kini segala masalah tentang nasib orang Melayu Pulau Pinang harus diajukan kepada PKR dan Pas yang nampaknya bersetuju dengan polisi DAP itu.

Jika Guan Eng menganggap nasib semua kaum adalah sama, apakah peluang-peluang perniagaan, kerja dan perumahan untuk orang Melayu akan terjamin?

Dalam aspek apa pun yang DAP hendak laksanakan, mereka cukup bijak kerana dalam persaingan merebut tender kerajaan atau peluang perniagaan serta kerja di Pulau Pinang, akhirnya kaum Cina yang akan menang semuanya.

Ramai orang kita akan menganggur. Ketika itu tidak ada guna menyesal lagi.

Bukan sahaja dasar-dasar baru di Pulau Pinang perlu dipantau, hal yang sama patut diperhatikan pada kerajaan baru di Kedah, Perak dan Selangor.

Orang Melayu yang memilih pembangkang telah bertindak berani untuk mengambil risiko yang bukannya sahaja melibatkan masa depan diri mereka

tetapi kaum Melayu secara umumnya.

Pada masa ini, kerajaan negeri baik yang dipimpin oleh DAP, Pas atau PKR boleh berbuat apa sahaja kerana langkah itu adalah hak kerajaan negeri pimpinan parti berkenaan.

Memang tiada apa yang dapat dilakukan jika pimpinan kerajaan negeri di bawah teraju ketiga-tiga parti berkenaan mahu mengubah dasar dan hala tuju pentadbiran negeri.

Kita cuma boleh berharap, walau apa yang ingin mereka lakukan, ia jangan sekali-kali mengorbankan semangat perpaduan kaum yang telah lama dipupuk.

Sensitiviti masyarakat Melayu dalam aspek sosiobudaya dan ekonomi harus dijaga supaya tidak tercetus rasa tidak puas hati. Jika timbul dan tidak dikawal, ia boleh menjadi bara kemarahan rakyat peribumi.

Janganlah setelah mendapat kuasa, pemimpin hanya mengutamakan kaum mereka sahaja dan menyalahkaun kaum lain yang turut memberi kuasa kepada parti mereka.